



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN MEMPERKUKUH PERPADUAN DAN MEWARISI TRADISI KEBERSAMAAN

**PUTRAJAYA, 16 APRIL 2024** – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah akan menganjurkan **Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI Peringkat Kebangsaan** pada **20 April 2024** di **Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu**. Majlis ini akan disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dan dihadiri oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah serta YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Sambutan Aidilfitri MADANI 2024 adalah platform untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang, **berkumpul dengan semangat perpaduan dalam suasana harmoni**. Perayaan Aidilfitri telah menjadi satu perayaan yang **menyatukan hati dan merapatkan ikatan dalam kalangan masyarakat Malaysia**. Tradisi rumah terbuka, di mana masyarakat dari pelbagai latar belakang budaya dan agama berkumpul untuk berkongsi kebahagiaan dan keceriaan, telah menjadi satu kebiasaan yang diwarisi dari generasi ke generasi.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, "Sambutan Aidilfitri yang bertemakan **Perpaduan Melalui Perayaan** ini menonjolkan keindahan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Sambutan ini wajar dijadikan sebagai alat penyatuan seluruh Bangsa Malaysia serta dijadikan sebagai teras perpaduan yang merupakan kunci utama kepada keharmonian rakyat dan negara. Perpaduan dan kepelbagaian kaum, budaya serta kepercayaan agama di Malaysia adalah aset penting yang perlu dipelihara dan dipertahankan oleh semua rakyat."

Selain itu, beliau turut mengumumkan bahawa majlis ini menandakan bermulanya **Jelajah Kembara Perpaduan sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024** yang akan disambut pada bulan Mei ini. Pelbagai pengisian menarik turut diadakan sempena Jelajah Kembara Perpaduan@ Sambutan Aidilfitri MADANI ini seperti Pameran Rumah KAMI merangkumi 12 buah rumah etnik, pameran alat muzik, tarian dan permainan tradisional serta persembahan artis terkenal tanah air.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara bersama Kerajaan Negeri Sabah mengalu-alukan kehadiran semua rakyat Malaysia, terutamanya masyarakat Negeri Sabah pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri MADANI Peringkat Kebangsaan pada 20 April 2024 ini di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu. Untuk maklumat lanjut mengenai sambutan ini boleh melayari laman sosial Kementerian Perpaduan Negara.

# Kementerian Perpaduan Negara

16 April 2024

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/ Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)  
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )